

Dr Mahathir dirayu tarik diri

BH - 8/9/2006

Bekas PM tak sesuai hadir: Umno bahagian

Oleh Johari Ibrahim

JITRA: Menjelang mesyuarat perwakilan bahagian esok, Umno Bahagian Kubang Pasu merayu Tun Dr Mahathir Mohamad menarik diri daripada bertanding sebagai perwakilan Perhimpunan Agung parti pada November ini.

Rayuan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan sebahagian besar perwakilan cawangan, Pemuda, Wanita dan Puteri yang mahukan Dr Mahathir membatalkan hasrat bertanding.

Ketua Umno bahagian, Datuk Mohd Johari Baharom, berkata 90 peratus jawatankuasa serta ahli Umno Kubang Pasu berpendapat Dr Mahathir tidak sesuai menawarkan diri bertanding sebagai perwakilan.

"Kita dengan rendah hati merayu Tun menarik diri," katanya pada sidang media yang dihadiri sebahagian besar ahli jawatankuasa Umno bahagian itu semalam.

Antaranya Timbalan Ketua bahagian, Ahmad Zaini Japar; Naibnya, Aman Khan Mohd Hussein; Ketua Pemuda, Md Rus @ Zulkifli Ahmad; Ketua Wanita, Barishah Saad; Naib Ketua Wanita, Khalidah Adibah Ayob dan Ketua Puteri, Atiyah Yaakob.

Mohd Johari yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, berkata Umno bahagian mahu melihat Dr Mahathir hadir dan menyaksikan perbahasan tetapi tidak sesuai duduk bersama barisan perwakilan bahagian.

"Selama 30 tahun beliau menjadi Ketua Umno bahagian Kubang Pasu dan selama itu kita taat, sayang dan menghargai jasanya kepada rakyat dan negara.

"Kita bersama-sama beliau dalam krisis dalam atau luar negara. Umno

Kubang Pasu tidak pernah berbelah bahagi (menyokongnya)," katanya yang sebak dan menitikkan air mata pada lima minit terakhir sidang akhbar itu.

Bagaimanapun, katanya, kali ini, bahagian itu merayu Dr Mahathir membatalkan hasrat bertanding, tetapi ia bukan untuk menghina, sebaliknya berpendapat tidak sesuai bagi bekas Perdana Menteri itu berbuat demikian.

Beliau juga berkata, sebagai bekas Setiausaha Politik Dr Mahathir, beliau secara peribadi tidak pernah melupakan jasa bekas Perdana Menteri itu kepadanya.

Dr Mahathir yang juga ahli cawangan Jitra menerima 15 pencalonan daripada 138 cawangan untuk membolehkan beliau bertanding sebagai perwakilan. Anaknyanya, Datuk Mukhriz, yang juga ahli jawatankuasa bahagian menerima 50 pencalonan.

Hingga semalam, 17 calon disenarai bertanding bagi menjadi perwakilan bahagian ke Kuala Lumpur.

Seramai 493 perwakilan akan hadir pada mesyuarat agung bahagian yang dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mahdzir Khalid jam 9 pagi esok.

FAKTA NOMBOR

Umno Kubang Pasu

17

Calon disenarai bertanding

493

Perwakilan akan hadir mesyuarat agung jam 9 pagi esok